

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK**  
**TARIKH : 30 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 18**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) berapakah anggaran kos yang diperlukan untuk mewajibkan saringan HIV ke atas bakal-bakal pengantin bukan Islam; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi merealisasikan cadangan ini agar pasangan bukan Islam turut dilindungi (dari ancaman HIV) dan menikmati kemudahan asas seperti mana yang diberikan kepada pasangan lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa sekarang, tiada mana-mana peruntukan mewajibkan bakal pengantin bukan Islam untuk menjalani saringan HIV sebelum berkahwin. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara prinsipnya menyokong bakal pengantin bukan Islam untuk menjalani saringan HIV yang mana tujuan utamanya adalah bagi membolehkan individu mengetahui status HIV masing-masing, terutamanya di kalangan yang berisiko sama ada telah dijangkiti HIV atau sebaliknya dan seterusnya mengambil tindakan yang wajar bagi mencegah transmisi penyakit ini kepada orang lain.

Semenjak 2010, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan perkhidmatan Ujian Saringan HIV Pra-Perkahwinan di semua Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara secara percuma. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua bakal pengantin beragama Islam mahupun bukan Islam. Bagi bakal pengantin beragama Islam, ujian ini adalah diwajibkan mengikut dokumen Prosedur Pentadbiran Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), manakala bagi pasangan bukan beragama Islam, mereka digalakkan untuk menjalani ujian tersebut.

Berikut adalah kos ujian saringan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan di mana:

- a) Kos ujian saringan "*Rapid Test Kit*" (RTK) adalah RM2.00 per unit;
- b) Sekiranya ujian saringan RTK menunjukkan negatif, tiada kos tambahan diperlukan; dan
- c) Sekiranya ujian saringan RTK adalah reaktif, individu tersebut perlu menjalani ujian pengesahan, dengan tambahan kos sebanyak RM245.00 seorang.

Walaupun Ujian Saringan HIV ini belum diwajibkan kepada pasangan pengantin bukan Islam, Kerajaan sentiasa menggalakkan bakal

## **SOALAN NO. 18**

pengantin bukan Islam untuk menjalani ujian ini, lebih-lebih lagi perkhidmatan ini diberikan secara percuma.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**  
**TARIKH** : **30 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 41**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah kajian ke arah kesaksamaan gender mengambil kira kerangka hak asasi kesaksamaan hak mengikut Islam dan apakah rujukan utama yang menjadi panduan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata dan berhak mendapat perlindungan yang sama di sisi undang-undang dan tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina. Selaras dengan peruntukan tersebut Kementerian sedang berusaha untuk mewujudkan suatu akta untuk menghapuskan sebarang unsur diskriminasi terutamanya terhadap wanita bagi tujuan menjamin kesaksamaan gender.

Untuk memastikan setiap pandangan pihak berkepentingan diambil kira, Kementerian telah dan akan meneruskan sesi libat urus secara aktif termasuk mendapatkan pandangan berkenaan kesaksamaan gender daripada perspektif Islam. Sehingga kini, Kementerian telah pun mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam, ahli akademik dan juga NGO-NGO Islam seperti IKRAM.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah menubuhkan satu *Special Project Team* Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang yang ingin diwujudkan mengambil kira aspek kepentingan agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Dalam usaha untuk mewujudkan kerangka perundangan ini, Kementerian sentiasa mengambil kira standard atau syor antarabangsa seperti Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) serta peruntukan perundangan sedia ada di Malaysia seperti Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan. Selain mengambil kira perundangan sedia ada,

## SOALAN NO. 41

Kementerian juga melihat kepada undang-undang yang telah digubal oleh negara-negara lain seperti Filipina, India dan juga Vietnam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**  
**TARIKH** : **30 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO.64**

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan jangka panjang Kementerian untuk memastikan bahawa semua negeri mematuhi pendaftaran pesalah seks.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mewujudkan satu Daftar di bawah Seksyen 7, Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 yang menyimpan maklumat individu yang disabitkan atas apa-apa kesalahan boleh daftar. Senarai kesalahan boleh daftar ini turut termaktub dalam Jadual Akta ini, termasuklah **kesalahan seksual** di bawah Kanun Keseksaan.

Namun memandangkan kanak-kanak merupakan golongan rentan (*vulnerable*) yang memerlukan langkah-langkah perlindungan khusus, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mewujudkan satu Daftar Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Daftar Kanak-Kanak ini menyimpan maklumat kanak-kanak yang memerlukan perlindungan; serta maklumat pelaku yang disabitkan kesalahan terhadap kanak-kanak.

Bermula 1 April 2019, permohonan akses kepada sebahagian maklumat pesalah, iaitu pesalah jenayah seksual dalam Daftar ini telah ditambah baik dengan penggunaan sistem dalam talian (*online*) oleh pegawai JKM. Sistem ini digelar Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak. Dengan kerjasama dan komitmen Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, maklumat pesalah yang disabitkan kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah dilengkapkan ke dalam sistem baru ini. Data pesalah ini adalah data yang terkumpul sejak pewartaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Kerajaan sedang mengusahakan supaya skop data ini dapat diperluas lagi pada masa hadapan.

Ibu bapa dan majikan disarankan untuk memanfaatkan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak sebagai langkah perlindungan tambahan. Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Pejabat JKM Negeri.



Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang ingin saya jelaskan di sini. Pertama, sistem ini tidak wajar disamakan dengan konsep Daftar Pesalah Seks. Hal ini kerana maklumat dalam daftar adalah terhadap kepada maklumat pelaku yang disabitkan kesalahan terhadap kanak-kanak sahaja. Sekiranya berhasrat untuk diwujudkan, Daftar Pesalah Seks dilihat berkaitan dengan Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri seperti yang saya jelaskan tadi.

Kedua, Daftar Kanak-Kanak tidak memerlukan pematuhan daripada pihak Kerajaan Negeri kerana maklumat dalam daftar dikemas kini dengan kerjasama antara JKM dan pihak Mahkamah. Buat masa ini, semakan adalah secara sukarela oleh pihak ibu bapa dan majikan.

Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengkaji model semakan yang lebih kukuh bagi jangka masa panjang berdasarkan model di negara lain. Sehubungan itu, satu sesi perbincangan melalui *video conference* telah diadakan pada 10 April 2019 bersama pihak *Department of Justice and Attorney General Queensland, Australia* mengenai sistem *Blue Card* yang diamalkan di negeri tersebut. Bagi memastikan matlamat perlindungan kanak-kanak tercapai, Kementerian sedang turut mengkaji kemungkinan pindaan Akta untuk mewajibkan mereka yang ingin bekerja dengan kanak-kanak untuk melalui sistem saringan keselamatan ini pada masa hadapan.